

05 NOV 1998

Mahathir-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA SEDIA PERBAIKI HUBUNGAN

SEPANG, 5 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Singapura berharap untuk mengetepikan perbezaan antara mereka dan menumpukan perhatian kepada usaha memperbaiki lagi hubungan kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya harap kedua-dua negara akan dapat berbuat demikian," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita di Pan Pacific Hotel di sini selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang bersebelahan.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara telah mencapai persetujuan mengenai isu-isu tertentu, antaranya mengenai air dan kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) Malaysia di Tanjung Pagar, Singapura.

Dr Mahathir berkata Singapura juga bersetuju untuk membantu Malaysia bagi mengatasi masalah kewangan negara.

Goh, yang turut hadir pada persidangan berita itu, berkata Singapura bersetuju untuk membantu Malaysia dalam mengatasi masalah kewangannya, tetapi ia perlu memastikan dahulu apa yang diperlukan oleh Kuala Lumpur.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memberitahu beliau tentang keperluan Malaysia itu.

"Butirannya akan diuruskan oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia perlu mendapatkan tabungan di Singapura.

Beliau berkata Singapura telah berjanji untuk merundingkan tentang cara terbaik republik itu dapat memberi bantuan daripada segi itu.

"Singapura boleh memberi bantuan kepada Malaysia dalam masa krisis ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES NMO